

## Perbahasan *Isra'iliyyat* Sheikh Husayn Al-Dhahabi dan Sheikh Abu Shahbah

### *Isra'iliyyat* Debate According to Sheikh Husayn Al-Dhahabi and Sheikh Abu Shahbah

AHMAD YUNUS MOHD NOOR  
ZAHIDAH ZAINAL ABIDIN

#### ABSTRAK

*Penulisan kisah israiliyyat ke dalam kitab-kitab tafsir telah memberi impak negatif terhadap akidah umat Islam. Antara medium utama untuk menangani penyebaran ini ialah pendekatan melalui penulisan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengkaji metodologi dua buah kitab terkenal iaitu al-Isra'iliyyat Fi al-Tafsir Wa al-Hadith karya Sheikh Husayn al-Dhahabi dan al-Isra'iliyyat Wa al-Mawdu'at Fi Kutub al-Tafsir karya Sheikh Abu Shahbah. Kajian ini bertujuan mengenal pasti teknik yang digunakan oleh kedua-dua tokoh dalam usaha menjelaskan kebatilan kisah-kisah israiliyyat yang memenuhi kitab-kitab tafsir. Kajian ini berasaskan metode penyelidikan kualitatif iaitu analisis kandungan dan pensejarahan. Data terkumpul akan dianalisis dengan menggunakan pendekatan tematik dan komparatif. Kajian menunjukkan, karya Sheikh Husayn al-Dhahabi (1969) dengan huraian secara pragmatik berpaksikan bidang tafsir sebagai asas, fokus pada penelitian kepelbagaian kaedah penukilan Isra'iliyyat dalam kitab-kitab tafsir. Sementara karya Sheikh Abu Shahbah (1971) menjadikan bidang hadith sebagai dasar dengan penelitian secara kritis pada sanad dan matan riwayat Isra'iliyyat. Hasil kajian ini juga mendapati, penulisan antara kedua-dua kitab berbeza berdasarkan perbezaan bidang kepakaran dan sasaran pembaca. Gandingan kedua-dua kitab ini mampu menghasilkan sebuah wacana yang bersifat komprehensif terhadap kisah israiliyyat dalam kitab-kitab tafsir. Manakala pemahaman terhadap metode penulisan bagi kedua-dua buah kitab ini mampu menerapkan kefahaman yang jitu dalam menekuni perbahasan israiliyyat yang menular dalam kitab-kitab tafsir kontemporari.*

*Kata kunci: Israiliyyat; kitab-kitab tafsir; Husayn al-Dhahabi; Abu Shahbah*

#### ABSTRACT

*Viral of israiliyyat story in the books of exegesis have a negative impact on the faith of Islam. Among the main medium to eradicate the missionary is through writing approach. Hence, this study was undertaken to examine the methodology of writing two famous books i.e. al-Isra'iliyyat Fi al-Tafsir Wa al-Hadith written by Sheikh Husayn al-Dhahabi and al-Isra'iliyyat Wa al-Mawdu'at Fi Kutub al-Tafsir by Sheikh Abu Shahbah. This study aims to identify techniques used by the two scholars in explaining the fabricated stories which take up space of the books of exegesis. This study is based on qualitative research methods of content analysis and historis. Data collected will be analyzed using a thematic and comparative approaches. The study shows that the work of Sheikh Husayn al-Dhahabi (1969) with a pragmatic description based on the interpretation field as the basis, focuses on the study of the diversity of the Isra'iliyyat extraction methods in the books of exegesis. While the work of Sheikh Abu Shahbah (1971) made the field of hadith as the basis of a critical study of the transmission and the text of Isra'iliyyat stories. The study also found that there is a difference between writing the two books based on difference expertise and target readers. The combination of these two books are able to generate a debate and discourse that is comprehensive to israiliyyat story in the books of exegesis. While understanding towards the method of writing for both books is able to implement an accurate understanding in pursuing the debate of isra'iliyyat that raged in the contemporary book of exegesis.*

*Keywords: Isra'iliyyat; books of exegesis; Husayn al-Dhahabi; Abu Shahbah*

#### PENGENALAN

Penulisan israiliyyat dalam kitab-kitab tafsir mampu menjejaskan akidah dan menggoyahkan pegangan umat Islam. Abu Shahbah (2006: 5) merekodkan bahawa pendustaan kisah-kisah israiliyyat ini boleh menghilangkan akidah yang terdapat di dalam al-Quran apabila kitab-kitab tafsir dicemari dengan riwayat-riwayat yang tidak sahih. Ramzi Na<sup>c</sup>nā<sup>c</sup>ah (1970: 7) menegaskan ianya juga membentuk

sebagai penghalang untuk memahami al-Quran dan membuka ruang untuk menumbuhkan keraguan yang ditimbulkan oleh musuh-musuh Islam. Hal ini berikutan sepertimana menurut Mazlan Ibrahim & Ahmed Kamel Mohamad (2004: 27) sebahagian besar kisah-kisah israiliyyat bersalahan dengan akal dan tidak selari dengan syara'.

Dipetik dari kajian Husayn al-Dhahabi (t.th: 170); Abu Shahbah (2006: 10); Rozali Adam (1985: 185) menyatakan bahawa salah satu cara menangani

israiliyyat yang disepakati ialah penghasilan karya dan penulisan yang bertemakan israiliyyat secara khusus yang dapat dimanfaatkan melalui penyebaran dan pengajaran. Adapun, menurut penelitian Ramzi Na<sup>°</sup>nā<sup>°</sup>ah (1970: 8) perbahasan israiliyyat secara khusus bertemakan istilah ‘israiliyyat’ dipelopori oleh sarjana Islam kontemporer bukan sarjana klasik. Ahmad Najib Abdullah (t.th: 7) mengutarakan bahawa kaedah pengecaman israiliyyat yang utama ialah dengan memiliki ilmu berkaitan tafsir dan hadith.

Justeru, dari pernyataan di atas telah mendorong pengkaji untuk menelusuri dengan lebih mendalam perbahasan khusus israiliyyat yang telah dikarang oleh ulama’ kontemporer melalui dua buah karya yang akan digunakan sebagai sumber utama kajian ini iaitu kitab *al-Isrā’iliyyāt Fī al-Tafsīr Wa al-Ḥadīth* karya Sheikh Husayn al-Dhahabi dan kitab *al-Isrā’iliyyāt Wa al-Mawḍū‘āt Fī Kutub al-Tafsīr* karya Sheikh Abu Shahbah. Mengikut pada kepakaran, Sheikh Husayn al-Dhahabi boleh dijadikan rujukan sebagai ahli dalam bidang tafsir manakala Sheikh Abu Shahbah boleh dijadikan rujukan sebagai ahli dalam bidang hadith. Sebagai menguatkan lagi dorongan mengkaji manhaj perbahasan kedua-dua tokoh Islam ini sepertimana menurut Mhd Najib Abdul Kadir et al. (2015: 15) kajian terhadap metodologi sarjana-sarjana Islam merupakan suatu usaha yang murni khususnya penulisan ulama’ dalam bidang tafsir al-Quran kerana sumbangan karya mereka diakui sebagai rantaian penerus dakwah Rasulullah SAW.

Kajian ini ialah kajian kualitatif berasaskan penganalisan dokumen dan pensejarahan. Pengkaji menggunakan metode analisis kandungan untuk mendapatkan maklumat dan data berkaitan kajian. Manakala, metode pensejarahan digunakan bagi mengkaji secara ringkas latar belakang Sheikh Husayn al-Dhahabi dan Sheikh Abu Shahbah dari segi ketokohan mereka dalam bidang al-Quran dan al-Sunnah bermula dari latar belakang pendidikan, kerjaya dan jawatan yang disandang, sumbangan dan karya-karya yang dihasilkan sepanjang hayat mereka. Keseluruhan kajian ini secara dasarnya bergantung kepada penyelidikan kepustakaan. Dokumen primer bagi kajian ini adalah kitab *al-Isrā’iliyyāt Fī al-Tafsīr Wa al-Ḥadīth* karya Sheikh Husayn al-Dhahabi dan kitab *al-Isrā’iliyyāt Wa al-Mawḍū‘āt Fī Kutub al-Tafsīr* karya Sheikh Abu Shahbah. Sumber primer ini merupakan data yang terpenting bagi mencapai objektif kajian. Peringkat penganalisan data, pengkaji menggunakan pendekatan tematik dan komparatif untuk mencapai objektif kajian.

## KETOKOHAN SHEIKH HUSAYN AL-DHAHABI DAN SHEIKH ABU SHAHBAH

AHLI TAFSIR: SHEIKH HUSAYN AL-DHAHABI

Sheikh Husayn al-Dhahabi ialah pemegang Ijazah Doktor Falsafah dari Jabatan Usuluddin dalam bidang pengkhususan Tafsir dan Hadith (1944M) Universiti al-Azhar, Mesir (Mustafar Mohd Suki 2016: 45). Tesis kedoktoran beliau yang berjudul *al-Tafsīr Wa al-Mufasssīrūn* telah disebar dan dicetak serta menjadi salah satu rujukan utama dalam pengajian ilmu tafsir (Anon 1426H: 369). Beliau berjaya memperoleh *Syahadah ‘Alamiah* pada tahun 1947M yang telah melayakkan beliau mendapat gelaran profesor (al-‘Alawanah 1998: 174).

Selain dari berkhidmat di Jabatan Syariah dan Jabatan Usuluddin di Universiti al-Azhar, beliau juga pernah ditugaskan menjadi tenaga pengajar di beberapa negara arab seperti Saudi, Baghdad dan Kuwait (Nizar Abazah dan Muhammad Riyad al-Malih 1999: 231). Beliau juga pernah dipertanggungjawabkan sebagai Setiausaha Umum Pusat Penyelidikan Islam, *Majma‘ al-Buhuth al-Islamiyyah* dan seterusnya, beliau pernah berkhidmat sebagai Menteri Wakaf dan Hal Ehwal, Mesir (al-‘Alawanah 1998: 174; Mustafar Mohd Suki 2016: 45).

Beliau banyak menghasilkan karya-karya penulisan dalam bidang tafsir dan ulum al-Quran antaranya:

JADUAL 1. Senarai Karya Sheikh Husayn al-Dhahabi

Bil	Nama Karya
1	<i>al-Tafsīr Wa al-Mufasssīrūn</i>
2	<i>al-Isrā’iliyyāt fī al-Tafsīr wa al-Ḥadīth</i>
3	<i>al-Ittijahat al-Munharifah Fī al-Tafsīr: Dawafūha Wa Dafūha</i>
4	<i>Muqaddimah Fī ‘Ilm al-Tafsīr</i>
5	<i>Muqaddimah Fī ‘Ulum al-Quran</i>
6	<i>Muqaddimah Fī ‘Ulum al-Ḥadīth</i>
7	<i>Musykilah al-Da‘wah Wa al-Da‘at</i>
8	<i>Athar Iqamah al-Hudud Fī Istiqrar al-Mujtama‘</i>
9	<i>al-Ahwal al-Shakhsiyah: Dirasat Muqaranah Baina Ahli Sunnah Wa Syī‘ah al-Ja‘fariyah</i>
10	<i>al-Islam Wa Ahli Dhimmah</i>
11	<i>Nur al-Yaqin Min Hadi Khatam al-Mursalin</i>
12	<i>al-Wahyu Wa al-Qur’an al-Karim</i>
13	<i>Madkhal Li ‘Ulum al-Ḥadīth Wa al-Islam Wa al-Diyanat</i>
14	<i>‘Inayah Muslimin Bi al-Sunnah</i>
15	<i>Tahkik: al-Muqtafi Min Sirah al-Mustofa</i>
16	<i>Syarah: Tafsīr al-Qur’an al-Karim bi Toriqah ‘Asriyyah</i>
17	<i>Ibn Arabi wa Tafsīr al-Quran (Haqiqatuhu wa khataruhu)</i>
18	<i>Maliah wa al-Daulah al-Islamiyyah</i>
19	<i>Mauqif Muslim Fī Diyanat al-Samawiyyah</i>

Sheikh Husayn al-Dhahabi digelar sebagai *mufassir shahid* iaitu ahli tafsir yang syahid (al-'Alawanah 1998: 174) kerana diakhir usianya, beliau telah dibunuh oleh sekumpulan pemberontak Mesir (Mustafar Mohd Suki 2016: 45). Beliau ialah salah seorang pakar tafsir dari barisan *ulama'* hebat *al-Azhar* (Nizar Abazah dan Muhammad Riyad al-Malih 1999: 231). Beliau pernah menerima Anugerah Republik Kelas Pertama pada 1977M dan Anugerah Kehormat Ulama' al-Azhar pada 1990M (Anon t.th).

#### AHLI HADITH: SHEIKH ABU SHAHBAH

Sheikh Abu Shahbah seorang pemegang degree (*allisans*), sarjana (*Dirāsāt Ulya*) dan Ijazah Doktor Falsafah dari Jabatan Usuluddin dalam jurusan pengkhususan Tafsir dan Hadith (Nizar Abazah dan Muhammad Riyad al-Malih 1999: 266-267; Mustafar Mohd Suki 2016: 49). Tesis beliau yang bertajuk *al-Wadh'u Fil Hadith Wa Atharuhu al-Sayyi'at Fi Kutub al-Ulum* telah dicetak dan dipecahkan kepada dua tajuk iaitu *al-Difa' an al-Sunnah wa Rad Syubhah*

*al-Mustasyriqin wal Kitab al-Mu'asirin* dan *al-Isra'iliyyat wa al-Mawdu'at Fi Kutub al-Tafsir* (Abu Shahbah 2006: 86) yang dapat dimanfaatkan oleh para penuntut ilmu.

Beliau ialah profesor Fakulti Usuluddin, bidang Tafsir dan Hadith di peringkat pengajian tinggi (*Dirasat Ulya*) dan dipilih sebagai dekan di Universiti al-Azhar cawangan Asyut iaitu cawangan pertama bagi Universiti al-Azhar di Mesir (al-'Alawanah 1998: 198). Khidmat beliau dalam mengajar tidak terhenti hanya di negaranya, Mesir bahkan turut pernah berkhidmat di negara arab sekitarnya antaranya Saudi (Nuruddin Itr 2003: 7), Baghdad dan Sudan (al-'Alawanah 1998: 198). Pengajian Sahih Bukhari dan al-Quran beliau telah disiarkan dalam radio dan video yang mendapat liputan meluas di Mesir sehingga ke Saudi, Iraq dan Sudan (Ahmad Umar Hasyim t.th: 310).

Beliau menghabiskan umurnya untuk berkhidmat dalam bidang hadith. Kesungguhan beliau dibuktikan dengan penghasilan karya dan penulisan yang bermanfaat dalam bidang ini:

JADUAL 2. Senarai Karya Sheikh Abu Shahbah

Bil	Nama Karya
1	al-Madkhal li Dirasah al-Qur'an al-Karim
2	al-Isra'iliyyat wa al-Mawdu'at Fi Kutub al-Tafsir
3	al-Difa' an al-Sunnah wa Rad Syubhah al-Mustasyriqin wal Kitab al-Mu'asirin
4	A'lam al-Muhaddisin
5	Ulum al-Hadith
6	al-Ta'rif Bi Kutub al-Hadith al-Sittah
7	al-Wasit Fi Ulum al-Hadith
8	al-Mukhtar Min Sohih Muslim
9	al-Wadh'u Fi al-Hadith Asbabuhu Wa Amaratuha
10	al-Sirah an-Nabawiyah Fi Dhau' al-Qur'an Wa al-Sunnah
11	al-Hudud Fi al-Islam Wa Muqaranatuha Bil Qawanin al-Wadh'iyyah
12	Nazroh al-Islam Ila al-Riba: al-Musykilah Wa Haluha
13	Taufiq al-Bari Bi Syarh Sahih al-Bukhari
14	Min Hadi al-Sunnah Fi al-Din wal Hayat
15	Min A'lam al-Islam
16	al-Haj Fi Dhau' al-Qur'an wa al-Sunnah
17	al-Sawm Fi Dhau' al-Qur'an wa al-Sunnah
18	al-Islam wa al-Qodhoya al-Asr
19	Qadhaya Wa Ara' Fi Dhau' al-Islam
20	Dirasat Qur'aniyyah dan al-Islam wal Islah Mujtama'

Beliau aktif menyertai beberapa muktamar dan persidangan keagamaan dan keilmuan di Qatar (Mustafar Mohd Suki 2016: 50). Bertepatan dengan kredibiliti ilmu dan sumbangan, beliau telah disenaraikan antara tokoh hadith dari kalangan ulama al-Azhar (Usamah 2012).

#### METODOLOGI PERBAHASAN ISRAILIYYAT ANTARA SHEIKH HUSAYN AL-DHAHABI DAN SHEIKH ABU SHAHBAH

Sheikh Husayn al-Dhahabi dan Sheikh Abu Shahbah, kedua-duanya ialah sarjana Islam kontemporer

yang terawal mengarang perbincangan khusus tentang israiliyyat. Karya Sheikh Husayn al-Dhahabi bertajuk *al-Isrā'iliyyāt Fī al-Tafsīr Wa al-Ḥadīth* merupakan perbincangan pertama bertemakan israiliyyat yang terbit pada tahun 1969M. Diikuti dengan karya Sheikh Abu Shahbah yang telah diterbitkan setelahnya pada tahun 1971M bertajuk *al-Isrā'iliyyāt Wa al-Mawḍū'āt*

*Fī Kutub al-Tafsīr*. Sungguhpun kedua-dua karya ini bertemakan israiliyyat, didapati metodologi perbincangannya berlainan antara satu sama lain berikutan perbezaan kepakaran ilmu dan sasaran pembaca yang ditujukan. Berikut ialah perbandingan umum antara karya Sheikh Husayn al-Dhahabi dan Sheikh Abu Shahbah:

JADUAL 4. Perbandingan umum perbincangan israiliyyat antara karya Sheikh Husayn al-Dhahabi dan Sheikh Abu Shahbah

Perkara	Sheikh Husayn al-Dhahabi	Sheikh Abu Shahbah
Karya	<i>al-Isrā'iliyyāt Fī al-Tafsīr Wa al-Ḥadīth</i>	<i>al-Isrā'iliyyāt Wa al-Mawḍū'āt Fī Kutub al-Tafsīr</i>
Tahun	1969M	1971M
Terbitan	Maktabah Wahbah, Mesir	Maktabah Sunnah, Mesir
Keistimewaan	Diangkat sebagai salah satu rujukan utama perbincangan israiliyyat berdasarkan tema perbincangan.	Diangkat sebagai salah satu silibus di Universiti al-Azhar. Silibus ini diguna dalam pengajian di Universiti al-Azhar.
Terjemahan	Jahabersa, Malaysia Litera Antarnusa, Indonesia	Jakim, Malaysia Keira Publishing, Indonesia
Sasaran	Masyarakat awam	Pelajar dan ilmuan
Tema	Israiliyyat	Israiliyyat dan hadith palsu
Fokus	Kajian manhaj kitab-kitab tafsir dalam penukilan kisah-kisah israiliyyat	Kajian sanad dan matan kisah-kisah israiliyyat dalam kitab-kitab tafsir
Penerangan Dasar	Meliputi aspek-aspek penting pengetahuan dasar perbincangan israiliyyat dengan penerangan yang menyeluruh, ringkas dan padat	Meliputi aspek-aspek penting pengetahuan dasar ilmu tafsir dan perbincangan israiliyyat dengan penerangan panjang lebar dan teliti
Pembahagian Penghujahan	Pembahagian kepada 3 <i>Fasal</i> utama i. Al-Quran ii. Hadith iii. Pandangan ulama'	Tiada pembahagian khusus i. Al-Quran ii. Hadith iii. Pandangan ulama' iv. Teori Sains

Dari jadual perbandingan di atas, pengkaji akan mengetengahkan dua perbandingan yang memadai untuk melihat perbezaan kepakaran dan sasaran pembaca iaitu perbandingan dari sudut fokus perbincangan dan penerangan dasar.

#### FOKUS PERBINCANGAN

Fokus perbincangan sesuatu perbincangan mencerminkan kepakaran seorang penulis. Didapati, Sheikh Husayn al-Dhahabi dalam kitab *al-Isrā'iliyyāt Fī al-Tafsīr Wa al-Ḥadīth* fokus pada penelitian manhaj kitab-kitab tafsir dalam penukilan cerita-cerita israiliyyat sesuai dengan kepakaran beliau sebagai ahli tafsir. Manakala, bertepatan dengan kredibiliti sebagai seorang ahli hadith, Sheikh Abu Shahbah didapati fokus pada penelitian sanad dan matan kisah-kisah israiliyyat yang memenuhi karya-karya tafsir.

Contohnya, sheikh Husayn al-Dhahabi (t.th 107) menyatakan Tafsir Ibn Kathir termasuk kategori tafsir yang kitab tafsir yang menyebut kisah-kisah israiliyyat dengan sanad beserta kritikan terhadap

riwayat kisah-kisah israiliyyat. Sheikh Husayn al-Dhahabi menyenaraikan beberapa kaedah yang digunakan oleh Imam Ibn Kathir dengan setiap kaedah tersebut disertai beberapa kisah israiliyyat yang dinukilkan oleh Imam Ibn Kathir. Menurut Sheikh Husayn al-Dhahabi (t.th 107), Imam Ibn Kathir ketika meriwayatkan kisah-kisah israiliyyat yang bertentangan akal dan syara', beliau akan menolak bersungguh-sungguh dengan pembuktian yang jelas. Kaedah ini disokong dengan pelbagai kisah israiliyyat yang dinukilkan oleh Imam Ibn Kathir (1999: 76) antaranya kisah kaum Jabbarin yang disandarkan pada penafsiran ayat 22 dari surah al-Maidah:

Maksudnya: Mereka berkata: "wahai Musa, sesungguhnya dalam negeri itu ada orang-orang yang gagah perkasa, sesungguhnya kami sekali-kali tidak akan memasukinya sebelum mereka keluar daripadanya. Jika mereka keluar daripadanya, pasti kami akan memasukinya."

Ayat di atas telah ditafsirkan dengan kisah yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas r.a. yang telah dinukilkan dalam tafsir Ibn Kathir (1999: 75) telah menceritakan



bahawa kaum Amalik yang menduduki suatu kawasan merupakan kaum yang luar biasa dari segi gagah perkasa, kebesaran tubuh badan dan ketinggian dan di antara mereka ialah seorang lelaki kafir dan anak zina yang bernama Uq bin Unuq yang telah digambarkan ketinggiannya mencapai 3 ribu hasta dan beliau telah terselamat dari tenggelam pada tragedi bah pada masa Nuh a.s. walaupun tidak bersama-sama menaiki bahtera kerana keengganannya dikatakan ketinggian air hanya mencecah paras buku lalinya.

Menurut Ibn Kathir (1999: 76) riwayat ini bertentangan dengan dalil al-Quran, sunnah dan akal manakala, segi syara', riwayat ini bertentangan dengan hadith sabda Rasulullah SAW tentang ketinggian manusia yang bermula dari penciptaan Adam a.s. setinggi 60 kaki dan semakin berkurang sehingga sekarang bahkan, riwayat ini juga bertentangan dengan dalil al-Quran yang menyatakan bahawa tidak ada yang terselamat dari banjir tersebut melainkan orang-orang yang menaiki bahtera Nabi Nuh a.s. iaitu orang-orang yang beriman. Secara jelas, kisah ini bertentangan akal sekiranya difikirkan secara waras akal, anak Nabi Nuh a.s. yang tidak beriman juga tidak dapat diselamatkan inikan pula Uq bin Unuq ialah seorang kafir bahkan anak zina (Husayn al-Dhahabi t.th: 111).

Manakala, Sheikh Abu Shahbah fokus pada penelitian sanad dan matan kisah-kisah israiliyyat. Beliau menyenaraikan sebilangan besar kisah-kisah israiliyyat yang disandarkan pada penafsiran al-Quran dengan kritikan pada sanad dan matan riwayat beserta tafsiran yang benar bagi ayat atau nas tersebut. Contohnya kisah Nabi Yusuf a.s. pada ayat 24 dari surah Yusuf:

Maksudnya: Dan sungguh, perempuan itu telah berkehendak kepadanya (Yusuf). Dan Yusuf a.s. pun berkehendak kepadanya, sekiranya dia tidak melihat tanda dari Tuhannya.

Kisah israiliyyat berkaitan ayat di atas telah memenuhi sebahagian besar kitab-kitab tafsir yang mana riwayat-riwayat tersebut mempunyai pelbagai versi cerita berkaitan godaan Zulaikha terhadap Yusuf a.s. Antaranya menurut Sheikh Abu Shahbah (2006: 214) tentang apa yang diriwayatkan oleh Ibn Jarir menunjukkan keghairahan Yusuf a.s. dan keinginan yang kuat terhadap Zulaikha. Seterusnya sepertimana yang dinukilkan oleh Sheikh Abu Shahbah (2006: 124) dari tafsir al-Jurjani (ulama' Syiah), perkataan *burhān* (tanda) yang dimaksudkan dalam ayat tersebut dikaitkan dengan penampakan wajah bapanya Ya'kub a.s. yang menggigit jarinya serta memukulnya sehingga terkeluar syahwat dari jari-jarinya dan ada yang mengatakan penampakan patung Raja Aziz, suami Zulaikha. Kemudian, riwayat Wahab bin

Munabbih yang dinukil dari Dur al-Manthur oleh Sheikh Abu Shahbah (2006: 125) menyatakan Yusuf a.s. diperlihatkan beberapa ayat al-Quran dalam bahasa Ibrani supaya menjauhi maksiat.

Menurut Sheikh Abu Shahbah (2006: 216-217) kesemua riwayat-riwayat yang berbeza ini jelas menunjukkan ianya hadith palsu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW yang diambil dari kisah israiliyyat yang dibawa oleh pendeta Yahudi yang memeluk Islam bahkan kisah-kisah tersebut jelas batil apabila kandungannya mempunyai unsur-unsur menjatuhkan maruah dan martabat Yusuf a.s. sebagai seorang nabi dan rasul yang terpelihara dari melakukan dosa.

Sheikh Abu Shahbah membuktikan kebatilan riwayat-riwayat ini dengan menukilkan beberapa nas dari al-Quran yang jelas menunjukkan Yusuf a.s. bebas dari terjerumus keinginan penzinaan. Antaranya jawapan Yusuf a.s. tentang kemahuannya untuk lari dari fitnah wanita, persaksian iblis bagi orang yang beriman dan persaksian keluarga Yusuf a.s. (Abu Shahbah 2006: 16-17). Menurut Sheikh Abu Shahbah (2006: 220) ayat di atas menggunakan gaya bahasa *taqdīm wa ta'khīr* yang mana ayat yang sebenarnya ingin disampaikan ialah *sekiranya dia tidak melihat tanda dari Tuhannya maka Yusuf a.s. pun berkehendak kepadanya*, bererti firman Allah SWT *وهم بها* ialah jawab kepada *لولا* yang didahulukan.

Dari contoh-contoh yang diberikan, jelas perbezaan metodologi yang digunakan oleh Sheikh Husayn al-Dhahabi dan Sheikh Abu Shahbah. Keduanya menggunakan kepakaran masing-masing dalam usaha membersihkan kisah-kisah israiliyyat yang menempel kitab-kitab tafsir. Sheikh Husayn al-Dhahabi fokus pada manhaj periwayatan kitab-kitab tafsir sesuai dengan kepakaran beliau sebagai seorang *mufasssir*. Manakala, Sheikh Abu Shahbah fokus pada penelitian sanad dan matan riwayat sesuai dengan kepakaran beliau dalam bidang hadith sehingga digelar sebagai *muhaddith*.

## PENERANGAN DASAR

Gaya penerangan dasar menunjukkan sasaran pembaca yang ditujukan. Sheikh Husayn al-Dhahabi (t.th: 3-6) menegaskan karangan beliau ini khusus ditujukan kepada masyarakat awam yang sering terpengaruh dengan kisah-kisah israiliyyat. Manakala, Sheikh Abu Shahbah (2006: 327) telah menyatakan bahawa penulisan beliau seperti karya-karya yang lain iaitu ditujukan kepada para penuntut ilmu dan ilmuwan untuk dimanfaatkan sebagai medan menerangkan kebatilan israiliyyat serta menjelaskan

segala keraguan yang ditimbulkan oleh musuh Islam. Perbezaan sasaran pembaca tersebut didapati menyebabkan perbezaan kaedah kupasan penerangan dasar berkaitan israiliyyat.

Contohnya penerangan definisi israiliyyat. Dalam karya Sheikh Husayn al-Dhahabi (t.th: 13), pengertian israiliyyat dijelaskan dari segi perkataan *jama'* iaitu *isra'iliyyat*, manakala *mufrad* iaitu *isra'iliyyah* dan pengertian *banu isra'il* serta nisbah perkataan *isra'iliyyat* kepada yahudi. Istilah israiliyyat ini telah digunakan oleh para *mufassirin* secara meluas bukan sekadar kisah-kisah atau cerita-cerita yang diriwayatkan dari sumber israil bahkan turut memasukkan apa sahaja kisah-kisah dongeng terdahulu dan rekaan musuh-musuh Islam yang terdapat dalam tafsir dan hadith (Husayn al-Dhahabi t.th: 14). Penerangan ini bertujuan agar pembaca tidak keliru dan dapat membezakan makna asal perkataan israiliyyat dengan penggunaan perkataan ini dalam kitab-kitab ahli tafsir. Menurut Sheikh Husayn al-Dhahabi (t.th: 15) dinisbahkan kesemua itu pada israiliyyat kerana majoriti kisah-kisah tersebut adalah bersumber dari yahudi dan mereka ini adalah golongan yang sangat memusuhi islam sepertimana yang dijelaskan dalam al-Quran serta hubungkait yang sangat rapat dengan Islam terutama dari segi pengetahuan.

Manakala, Sheikh Abu Shahbah menjelaskan pengertian israiliyyat dan hadith-hadith palsu dengan

huraian yang panjang. Pengertian israiliyyat dimulai dengan makna dari segi penisbatan istilah israiliyyat iaitu dinisbahkan kepada perkataan israil yang membawa maksud Nabi Ya'kub a.s. dan silsilahnya dipanggil Bani Israil namun, pegangan mereka terbahagi kepada dua kelompok sama ada golongan yang tetap beriman dengan Taurat yang diberikan kepada Musa a.s. dikenali sebagai Yahudi atau bagi yang beriman dengan Injil yang diwahyukan kepada Isa. a.s. dipanggil Nasrani manakala bagi yang memeluk agama Islam dipanggil ahli kitab yang beriman (Abu Shahbah 2006: 13). Kitab rujukan utama golongan Bani Israil atau Yahudi iaitu Taurat meliputi pelbagai *asfar* dan lain-lain yang dipanggil *'ahd qadim* dan ianya terbahagi kepada dua iaitu syarahan bertulis (talmud) dan shafawi yang mana isi kandungan *'ahd qadim* ini dipenuhi dengan pelbagai kisah-kisah khurafat akhirnya dikaitkan dengan ayat-ayat al-Quran sehingga memenuhi penafsiran kitab-kitab tafsir umat islam (Abu Shahbah 1971: 15). Adapun, kandungan dari kitab Nasrani sedikit dan tidak memberi kesan yang buruk pada pembaca kerana kebanyakannya perbincangan tentang akhlak mulia, nasihat, pembersihan jiwa dan sebagainya (Abu Shahbah 1971: 13-15).

Berikut ialah tema-tema penerangan dasar yang terkandung di dalam kitab antara karya Sheikh Husayn al-Dhahabi dan Sheikh Abu Shahbah:

JADUAL 5. Perbandingan Sub-topik penerangan dasar

أبو شهبه	حسين الذهبي	الموضوع
/	/	بيان علاقة القران بغيره من الكتب السماوية و منزلته منها
/	/	معنى الإسرائيليات
/	/	معنى الموضوعات
/	/	حركة تسربت الإسرائيليات
/	/	نشأ الوضع في الحديث
/	/	خطورة الإسرائيليات
/	/	أقسام الإسرائيليات
/	/	حكم رواية الإسرائيليات
/	/	أشهر رواة الإسرائيليات
/	/	بيان ما يجب من تنقية كتب التفسير
/	/	التفسير و التأويل
/	/	الحاجة الى علم التفسير
/	/	أشرف علوم هو علم التفسير
/	/	العلوم التي لا بد منها للمفسر
/	/	ما يجوز الخوض في تفسيره وما لا يجوز
/	/	أقسام التفسير (مأثور و بغير المأثور)
/	/	منهج القويم في التفسير القران
/	/	غلبة الضعف على التفسير المأثور
/	/	خطورة رفع هذه الإسرائيليات إلى النبي
/	/	الموقف من الإسرائيليات على الصحابة و التابعين
/	/	بعض الإسرائيليات قد يصح السند إليها
/	/	رواية الكذب ليس معناها أنه هو الذي اختلقه
/	/	أسباب الخطأ في التفسير المأثور و بالرأى الإجتهد
/	/	الإختلاف بين السلف في التفسير اختلاف تنوع
/	/	التعارض بين التفسير بالمأثور و بالرأى وما يتبع في الترجيح بينهما
/	/	تحوط دقيق المحدثين
/	/	أهم كتب التفسير بالمأثور و الرأى
/	/	نقد الطرق و الرواة

Didapati, Sheikh Husayn al-Dhahabi membincangkan penerangan dasar pada permulaan kitab beliau dengan pembahagian sub-sub topik yang meliputi aspek-aspek penting pengetahuan dasar perbahasan israiliyyat dengan penerangan yang menyeluruh dan padat. Manakala, Sheikh Abu Shahbah memulakan penulisan beliau dengan penerangan dasar yang panjang memenuhi hampir sebahagian dari kitab iaitu 155 daripada 326 halaman. Sub-subtopik yang diketengahkan dibahaskan secara panjang lebar dan teliti. Kedua-duanya melengkapi antara satu sama lain.

Sheikh Husayn al-Dhahabi menulis penerangan dengan ringkas, padat dan mudah difahami supaya disenangi pembaca kerana sasaran pembacanya yang utama iaitu dari kalangan masyarakat awam. Sheikh Abu Shahbah sendiri menggelar kitab ini sebagai *kutaib* iaitu kitab kecil yang kebiasaannya bercirikan ringkas dan padat. Kitab ini bukan sahaja mudah dari bahasa dan penerangannya malah pada penyusunan dan pembahagiannya. Sebagai pengenalan israiliyyat, kitab ini amat disyorkan kepada para *mubtadi'* dan masyarakat awam. Manakala, penulisan Sheikh Abu Shahbah penuh dengan penerangan yang panjang dan teliti. Malah, penerangannya tidak dibahagikan kepada bab dan sub topik. Hal ini kerana, sasaran pembaca beliau ialah dari kalangan golongan pelajar dan intelek. Dengan itu, penerangan yang teliti bertepatan dengan tahap seorang pelajar dan sarjana Islam. Pengabaian pembahagian kepada sub-subtopik mungkin menyulitkan pembaca dari kalangan penuntut ilmu peringkat awal (*mubtadi'*) dan masyarakat awam akan tetapi ianya tidaklah menjadi suatu kesukaran bagi seorang pencari ilmu dari para pelajar dan intelek yang sentiasa dahagakan ilmu.

### KESIMPULAN

Perbezaan pendekatan dan metode yang digunakan didapati mengikuti kepakaran masing-masing. Hasil kajian dan penelitian perbandingan metode perbahasan israiliyyat ini juga menemukan perbezaan sasaran pembaca. Kitab karya Sheikh Husayn al-Dhahabi didapati lebih sesuai pada pembaca dari kalangan masyarakat awam dan golongan *mubtadi'*. Ini kerana metode yang digunakan lebih mesra pembaca dengan pembahagian bab yang tersusun, penerangan dasar yang ringkas, jelas dan padat serta fokus perbincangan yang mudah difahami dengan penelitian manhaj kitab-kitab tafsir satu persatu. Manakala, kitab karya Sheikh Abu Shahbah

didapati lebih sesuai bagi pembaca dari kalangan golongan terpelajar dan ilmunan. Ini kerana metode yang digunakan oleh Sheikh Abu Shahbah lebih teliti dan rumit. Bermula dengan susunan kitab tanpa pembahagian bab, penerangan dasar dengan huraian yang panjang serta penelitian yang kritis pada fokus perbahasan. Usaha untuk penambahbaikan kedua-dua kitab ini amat diharapkan terutamanya cadangan penambahbaikan pada bahagian *fihris*, ada baiknya jika disertakan *fihris* dari sudut al-Quran, hadith dan *a'lam* serta meningkatkan usaha penterjemahan kedua-dua karya ini ke dalam versi lain seperti bahasa inggeris dan sebagainya.

### RUJUKAN

- Al-Quran. 2001. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Terj: Sheikh Abdullah Muhammad Basmeih. Edisi 12. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Abu Shahbah. 2006. *Isra'iliyyat Wa Mawdu'at Fi Kutub al-Tafsir*. Kaherah: Maktabah Sunnah Salafiah.
- Abu Shahbah. 2014. *Israiliyat dan Hadis Palsu dalam Kitab-kitab Tafsir*. Terj. Hasnan bin Kasan. Malaysia: JAKIM.
- Abu Shahbah. 2014. *Israiliyat dan Hadits-hadits Palsu Tafsir Al-Quran*. Terj. Mujahid Muhayan & Heni Amalia & Mukhlis Yusuf Arbi. Indonesia: Keira Publishing.
- Ahmad Najib Abdullah. t.th. *Israiliyyat: Pengenalan dan Kaedah Pengecamannya*. <http://darulkautsar.net/ebook/wp-content/uploads/2015/09/Pengenalan-Kaedah-Pengecaman-Israiliyyat.pdf> [1 Julai 2017].
- Al-<sup>c</sup>Alawanah. Ahmad. 1998. *Zil A'lam (Qomus Tarojim Asyharu Rijal Wa Nisa' Arab Al-Musta'robin Wa Mustasyriqin)*. Jeddah: Dar Al-Manarah.
- Anon. 1426H. *Ulama' wa A'lam (Katabu Fi Majallat al-Wa'yu al-Islamiy al-Kuwaytiyyah)*. Kuwait: Majallat al-Wa'yu al-Islamiy.
- Anon. t.th. *al-Ra'isiyyah al-Syakhsiyyah al-Ulama' (al-Duktur al-Dhahabi)*. <http://alazharmemory.eg/sheikhs/characterdetails.aspx?id=11178> Mac.[2016]
- Ahmad Umar Hasyim. Al-Husaini Abdul Majid Hasyim. t.th. *al-Muhaddithun Fi al-Misr Wa al-Azhar*. Cetakan 2. Mesir: Maktabah Gharib.
- Husayn al-Dhahabi. t.th. *Israiliyat Fi Tafsir Wa Hadis*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Husayn al-Dhahabi. 2004. *Kisah Israiliyat dalam Tafsir dan Hadis*. Terj: Ahmad Fadilah Sarnap. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Husayn al-Dhahabi. 1989. *Israiliat dalam Tafsir dan Hadis*. Terj: Drs. Didin Hafidhuddin. Indonesia: Litera AntarNusa.
- Ibn Kathir. Ismail bin Umar bin Kathir. 1999. *Tafsir al-Quran al-Azim*. Pnyt: Sami bin Muhammad al-

- Salamah. Jil: 1. Cet: 2. Riyad: Dar al-Tayyibah.
- Mazlan Ibrahim dan Ahmad Kamel Mohamad. 2004. Israiliyat dalam kitab tafsir Anwar Baidhawi. *Jurnal Islamiyyat* 26(2): 23-37.
- Muhd Najib Abdul Kadir, Mashitah Ismail dan Siti Mursyidah Muhd Zin. 2015. *Manhaj Tokoh-Tokoh Tafsir*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustafar Mohd Suki. 2016. *Biografi 99 Ulama Dunia (Tokoh Ilmuan Islam Tersohor Zaman Kini)*. Selangor: Karya Bestari.
- Nizar Abazah dan Muhammad Riyad al-Malih. 1999. *Itmam al-A'lam (Dhail Li Kitab al-A'lam Li Khairiddin al-Zarkali)*. Beirut: Dar Sadir.
- Nuruddin Itr. 2003. *Manhaj al-Naqd fi Utum al-Hadith*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Ramzi Na'na'ah. 1970. *Al-Israiliyyat Wa Atharuha Fi Kutub al-Tafsir*. Beirut: Dar Baida'.
- Rozali Adam. 1985. *Al-Quran di Antara Tafsir dan Israiliyyat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Usamah. Syed Mahmud al-Azhari. 2012. *al-Hadith wal Muhaddisun fi al-Azhar al-Syarif*. Video. <https://www.youtube.com/watch?v=hLE5AqKcgjI> [18 Jun 2016].
- Ahmad Yunus Mohd Noor, PhD  
Pusat Akidah dan Keamanan Global  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43000 Bangi, Selangor  
Malaysia  
a\_yunus@ukm.edu.my
- Zahidah Zainal Abidin  
Pusat Akidah dan Keamanan Global  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43000 Bangi, Selangor  
Malaysia  
zahidahalazhar@gmail.com